

Latihan Kawad Kebakaran di Bangunan ARC Berjalan Lancar

SYAZWANI BINTI ISMAIL

[!\[\]\(e3f8612927870f2e0f9f5989e6dd3064_img.jpg\) Share on Facebook](#)

[!\[\]\(003082e50e3009141f59bd5df831749f_img.jpg\) Whatsapp \(Mobile Only\)](#)

PUBLISHED : 03 JANUARY 2025

KOMPLEKS PENYELIDIKAN HAIWAN, December 18 2024 –

PULAU PINANG, 18 Disember 2024: Latihan Kawad Kebakaran di Kompleks Penyelidikan Haiwan (ARC), Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak yang terlibat. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan serta kesiapsiagaan penghuni bangunan dalam menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan kebakaran.

Latihan yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi ini menampilkan simulasi pemindahan kecemasan dan demonstrasi menyelamatkan mangsa yang terperangkap di dalam makmal. Demonstrasi ini telah dirancang dengan teliti oleh Ketua Pengungsian Bangunan, En. Ahmad Farid Ismail @ Asmail, bersama Jawatankuasa Kawad Kebakaran Bangunan ARC. Latihan tersebut memberikan pendedahan praktikal kepada peserta tentang langkah-langkah keselamatan dan teknik menyelamatkan nyawa dalam keadaan berisiko tinggi.



Prof. Madya Dr. Hasni bin Arsad memberikan ucapan penghargaan.

Photo By Norizan Ishak Pusat Media dan Perhubungan Awam

En. Ahmad Farid melaporkan bahawa misi pengosongan bangunan berjaya mencapai sasaran masa kurang daripada 7 minit, dengan catatan masa 6 minit 30 saat, merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan membuktikan keberkesanan latihan serta koordinasi penghuni bangunan. Dalam ucapan Ketua Bangunan, Prof. Madya Dr. Hasni Arsad, beliau mengucapkan ribuan terima

kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan latihan ini. Beliau turut melahirkan rasa bangga terhadap pencapaian warga ARC yang menunjukkan kesungguhan dan kerjasama padu sepanjang sesi latihan berlangsung. Selain itu, Dr. Hasni menekankan kepentingan latihan kawad kebakaran ini sebagai langkah kritikal untuk memastikan semua pihak memahami tindakan yang perlu diambil dalam situasi kecemasan sebenar. Beliau juga menegaskan bahawa latihan berkala seperti ini dapat memperkukuhkan budaya keselamatan dan kesiapsiagaan di tempat kerja.



Photo By Norizan Ishak Pusat Media dan Perhubungan Awam

Demonstrasi Penyelamatan mangsa oleh JK dan paramedik.

Latihan ini turut melibatkan kehadiran sebuah ambulans lengkap dengan pengusung serta staf paramedik yang memainkan peranan penting dalam memastikan demonstrasi penyelamatan berjalan lancar. Kehadiran mereka memberikan elemen realistik dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran peserta. Dengan pencapaian yang memberangsangkan, latihan ini diharapkan menjadi asas kepada usaha berterusan dalam memperkukuh tahap keselamatan di IPPT. Keselamatan adalah tanggungjawab bersama, dan usaha ini membuktikan komitmen warga ARC terhadap persekitaran kerja yang selamat dan harmoni.

Teks disediakan oleh: Syazwani Ismail

Teks disunting oleh: Nur Aqilah Tajul Ashikin

Foto: Norizan Ishak

SDG 9 – Build resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialization and foster innovation

SDG 11 – Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable

SDG 16 – Promote peaceful and inclusive societies for sustainable development, provide access to justice for all and build effective, accountable and inclusive institutions at all levels